



**KENYATAAN AKHBAR  
OLEH KETUA AUDIT NEGARA  
BERKENAAN PENGAUDITAN 1MDB**

Merujuk kepada laporan media baru-baru ini mengenai artikel Wall Street Journal yang mengandungi dakwaan-dakwaan terhadap 1MDB dan mengaitkan dengan draf laporan pengauditan oleh Jabatan Audit Negara (JAN), JAN ingin menjelaskan bahawa pengauditan terhadap 1MDB masih lagi dijalankan. Oleh itu, tiada draf laporan yang telah disiapkan setakat ini.

Sehubungan itu, JAN telah dimaklumkan oleh Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC) dalam mesyuaratnya pada hari ini (18 Disember 2015) bahawa Laporan Akhir Pengauditan 1MDB oleh JAN telah dijadualkan untuk dibentangkan kepada PAC pada bulan Februari 2016.

Oleh itu, JAN akan memastikan laporan akhir itu dapat disiapkan mengikut jadual tersebut.

Ketua Audit Negara

18 Disember 2015